

# Kombinasi 'jarang ditemui' tarikan pelabur pilih Malaysia

● Malaysia semakin menyerlah bukan sahaja kerana prestasi negara bertambah baik, tetapi kerana beberapa pesaing utama di rantau ini sedang berhadapan cabaran semakin serius

● Pelabur tidak semestinya mencari kerajaan sempurna, tetapi sentiasa mencari kerajaan stabil, dasar boleh diramal dan institusi berfungsi dengan baik



Oleh Prof Madya Dr Bakti Hasan Basri  
bhrencana@bh.com.my

Laporan Daniel Moss dalam *Bloomberg* bertajuk 'Malaysia's Comeback Is Built on Stability, Not Spectacle' pada kelmari memberikan satu perspektif menarik mengenai kedudukan semasa Malaysia dalam landskap ekonomi Asia Tenggara.

Menurut beliau, kebangkitan semula Malaysia hari ini tidak lagi bergantung kepada projek mega, bangunan pencakar langit atau retorik pembangunan gah seperti pada era 1980-an dan 1990-an. Sebaliknya, kelebihan utama Malaysia kini terletak pada kestabilan ekonomi, politik dan institusi.

Pandangan ini wajar diberikan perhatian kerana ia datang daripada seorang penganalisis ekonomi antarabangsa yang mengikuti perkembangan ekonomi Asia selama beberapa dekad.

Lebih menarik beliau melihat Malaysia semakin menyerlah bukan sahaja kerana prestasi negara bertambah baik, tetapi kerana beberapa pesaing utama di rantau ini sedang berhadapan cabaran semakin serius.

Indonesia sebelum ini sering dianggap sebagai bintang baharu Asia Tenggara. Dengan jumlah penduduk melebihi 280 juta orang, pasaran domestik besar serta sumber asli melimpah-ruah, ramai penganalisis menjangkakan Indonesia akan muncul sebagai kuasa ekonomi utama ASEAN.

Namun, perkembangan mutakhir menunjukkan saiz ekonomi semata-mata tidak menjamin keyakinan pelabur. Indonesia kini berhadapan tekanan semakin ketara dalam pasaran kewangan.

Kejatuhan nilai rupiah, aliran keluar modal asing, kemerosotan permintaan terhadap bon kerajaan dan kenaikan kadar faedah secara mengejut Bank Indonesia menunjukkan keyakinan pasaran sedang diuji.

Malaysia pula kini berada pada kedudukan jauh lebih selesa. Walaupun ringgit pernah menjadi sasaran kritikan beberapa tahun lalu, kedudukannya kini jauh lebih stabil.

Inflasi negara kekal rendah berbanding kebanyakan negara serantau, manakala dasar monetari Bank Negara Malaysia (BNM) dilihat konsisten dan boleh diramal.

Pencapaian Malaysia juga tidak boleh diukur melalui kadar pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.4 peratus pada suku pertama tahun ini. Apa yang lebih penting ialah keupayaan negara mengekalkan pertumbuhan itu tanpa berdepan tekanan inflasi serius.

Ketika banyak negara terpaksa menaikkan kadar faedah secara agresif untuk mengawal kenaikan harga, Malaysia masih berjaya mengekalkan keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi dan kestabilan harga.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, syarikat teknologi global seperti Microsoft, Google, Nvidia dan pelbagai pengendali pusat data antarabangsa mengumumkan pelaburan bernilai berbilion-bilion ringgit di Malaysia.

Mereka memilih Malaysia kerana melihat

kombinasi jarang ditemui di negara membangun, iaitu kestabilan politik, dasar, infrastruktur baik, sistem kewangan mantap dan tenaga kerja berkemahiran.

## Faktor kestabilan politik

Kebangkitan semula Malaysia juga tidak dapat dipisahkan daripada faktor kestabilan politik. Selepas melalui tempoh ketidaktentuan antara 2018 hingga 2022, ramai pemerhati meragui kemampuan kerajaan untuk bertahan lama.

Kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim masih kekal hampir empat tahun selepas pembentukannya memberikan mesej sangat penting kepada pelabur antarabangsa.

Pelabur tidak semestinya mencari kerajaan sempurna, tetapi sentiasa mencari kerajaan stabil, dasar boleh diramal dan institusi berfungsi dengan baik.

Perbezaan antara Malaysia dan Indonesia hari ini bukan sahaja dapat dilihat melalui petunjuk ekonomi, tetapi melalui suasana sosial dan politik.

Indonesia menyaksikan beberapa siri protes besar sejak 2025 berkaitan dengan kos sara hidup, isu tadbir urus, rasuah, pindaan undang-undang serta kebimbangan terhadap peningkatan pengaruh tentera dalam urusan awam.

Paling mutakhir, pada 12 Jun lalu, ribuan mahasiswa Indonesia turun ke jalan raya di Jakarta dan beberapa bandar utama lain membantah dasar ekonomi kerajaan Presiden Prabowo Subianto.

“Negara memiliki sesuatu semakin bernilai dalam ekonomi global masa kini iaitu kestabilan institusi, kestabilan dasar dan kestabilan sosial”

